



10 AUG, 2026

Syarikat pengeluar sedia pengecas

Utusan Malaysia, Malaysia



Syarikat pengeluar sedia pengecas

PETALING JAYA: Malaysia perlu mencontohi polisi diamatkan Eropah yang meletakkan tanggungjawab menyediakan infrastruktur termasuk pengecas awam kepada syarikat pengeluar kenderaan elektrik (EV) bagi menyokong ekosistem pasaran tempatan.

Syarikat pengeluar kenderaan EV juga perlu menyediakan peluang pekerjaan berimpak tinggi khususnya bagi anak-anak tempatan sekali gus menyokong pemindahan teknologi yang boleh memajukan industri EV domestik.

Presiden Persatuan Kenderaan Elektrik Malaysia (EVAM), Datuk Dennis Chuah berkata, Malaysia membuka luas pasaran kenderaan EV sejak empat tahun lalu kepada syarikat pengeluar global khususnya dari China.

Sepanjang tempoh itu lebih 50 model kenderaan EV diperkenalkan di negara namun ekosistemnya kekal tidak berubah iaitu tiada peluang pekerjaan kepada syarikat tempatan mahu pun rakyat serta kemudahan infrastruktur seperti pengecas awam.

“Sehingga hari ini, kira-kira 6,000 pengecas awam di-

bina di seluruh negara namun ia disediakan oleh syarikat swasta bukannya pengeluar kenderaan EV itu sendiri. Namun, perusahaan pengecas awam kini tidak begitu baik kerana pengguna sudah ada pilihan iaitu memasangnya di rumah.

“Kadar penggunaannya di Malaysia sangatlah rendah sehingga keuntungan diperoleh oleh mereka terhad. Hanya pada musim tertentu seperti cuti sekolah dan perayaan kadar penggunaannya memuncak sehingga menimbulkan rungutan.

“Syarikat pengeluar kenderaan EV perlu mengambil tanggungjawab ini untuk menyediakan infrastruktur sokongan ekosistem mencukupi kerana mereka telah mengaut keuntungan besar terhadap pasaran kenderaan di negara,” katanya.

Kawasan-kawasan tertentu seperti Lebuh raya Utara-Selatan kemudahan pengecas awam tidak mampu memenuhi keperluan pemilik kenderaan EV sehinggakan terpaksa menunggu lama ketika musim puncak seperti perayaan dan cuti sekolah.